

22/05/2003

Penurunan kadar campur tangan BNM jana ekonomi

PUTRAJAYA: Kadar campur tangan Bank Negara Malaysia diturunkan 50 mata asas berkuat kuasa serta-merta bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan, menggalak aktiviti ekonomi dan perbelanjaan yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Pakej Strategi Baru untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara di sini, semalam berkata, institusi kewangan hendaklah memastikan pengurangan itu dimanfaatkan kepada peminjam melalui pengurangan kadar faedah pinjaman.

Penurunan kadar campur tangan BNM itu ialah sebahagian daripada empat teras utama Pakej Strategi Baru yang membabitkan 90 langkah bertujuan menyokong pertumbuhan menerusi aktiviti ekonomi dalam negara.

Kadar campur tangan Bank Negara ialah penanda aras yang digunakan bank dan institusi kewangan tempatan untuk menentukan kadar asas pinjaman (BLR) kepada pelanggan.

Dengan penurunan itu, kadar campur tangan sekarang adalah 4.5 peratus daripada lima peratus. Serentak dengan itu, institusi kewangan perlu menurunkan kadar BLR kerana kos dana mereka berkurangan.

Bank Negara dalam kenyataannya semalam berkata, kadar BLR bank perdagangan tempatan sekarang ialah pada 6.42 peratus manakala bagi syarikat kewangan 7.46 peratus.

Sehubungan itu, Bank Negara berkata, dengan penurunan kadar campur tangan 0.5 peratus itu, had siling BLR bank perdagangan turun kepada enam peratus manakala bagi syarikat kewangan 6.94 peratus.

Penurunan kadar campur tangan Bank Negara itu akan memberi manfaat serta-merta kepada orang ramai yang membuat pinjaman konvensional dengan kadar faedah yang berasaskan BLR.